



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam

**PENOLONG PEGAWAI UGAMA (C.3 EB.4-5)
KEMENTERIAN PERTAHANAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PENOLONG PEGAWAI UGAMA
KEMENTERIAN PERTAHANAN
C.3 EB.4-5 (\$1,990 - \$2,970 SEBULAN)
KEKOSONGAN= SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC/BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam bidang Al-Quran dan As Sunnah / Pengajian Islam atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Pertahanan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

2. Mahir / berkebolehan dalam bidang-bidang berikut:

- a) Membaca Al-Quran dengan bertajwid, tartil dan berlagu.
- b) Membaca dan menulis Jawi.
- c) Membaca tahlil dan doa-doa tertentu.
- d) Mengetahui hukum-hukum khususnya dalam tajwid Al-Quran dan perkara-perkara Bersuci, Haji, Munakahat, Puasa, Sembahyang dan Zakat.
- e) Berkebolehan mengepalai Dikir.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Penolong Ketua Sel Bimbingan Al-Quran;
2. Membuat perancangan bagi pengembangan dan pendidikan Al-Quran dan As Sunnah di Kementerian Pertahanan;
3. Membantu membuat penyelidikan dan perkembangan (*RND*), mengenai sistem pengajaran dan pembelajaran Al-Quran dan As Sunnah;
4. Membantu membuat tindakan yang berkesan dan peka terhadap saranan-saranan yang terkini dari pihak atasan dan kerajaan mengenai perkara-perkara yang berhubungkait dengan Al-Quran dan As Sunnah;
5. Bertanggungjawab dalam merancang program-program pengajaran Al-Quran di setiap perkhemahan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB);
6. Bertanggungjawab membuat kajian dari semasa ke semasa berhubung keberkesanan sistem pengajaran dan pembelajaran Al-Quran di Kementerian Pertahanan;
7. Membuat lawatan dan pemantauan ke perkhemahan-perkhemahan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) kepada guru-guru agama mengenai pelaksanaan pengajaran Al-Quran;
8. Merancang dan membuat program pengembangan Al-Quran kepada guru-guru seperti kursus, bengkel, kelas ulang kaji dan lawatan-lawatan yang bersesuaian; dan
9. Melaksanakan tugas dan arahan dari pihak atasan dari semasa ke semasa.